


Intipati

BELANJAWAN

2019





**YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia**

**...“Malaysia umpama Harimau Asia
yang selama ini tidur lena,
sekarang bangkit mengaum semula”...**



YB Lim Guan Eng
Menteri Kewangan Malaysia

“Di samping bertekad ke arah melaksana konsolidasi fiskal, Kerajaan akan mengimbangi keutamaan pembangunan ekonomi untuk menambah baik kesejahteraan sosioekonomi rakyat”

FOKUS BELANJAWAN 2019

FOKUS PERTAMA: MELAKSANAKAN REFORMASI INSTITUSI

Strategi 1 : Memperkukuh Pengurusan Fiskal

Strategi 2 : Menstruktur Semula Dan Merasionalisasi Hutang Kerajaan

Strategi 3 : Meningkatkan Hasil Kerajaan

FOKUS KEDUA: MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Strategi 4 : Menjamin Kebaikan Dan Kualiti Hidup

Strategi 5 : Meningkatkan Peluang Pekerjaan Dan Kebolehpasaran

Strategi 6 : Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan Dan Perlindungan Kebajikan Sosial

Strategi 7 : Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna

Strategi 8 : Pendidikan Bagi Masa Hadapan Yang Lebih Baik

FOKUS KETIGA: MEMUPUK BUDAYA NEGARA KEUSAHAWANAN

Strategi 9 : Mencetuskan Kuasa Ekonomi Baharu

Strategi 10 : Merebut Peluang Dalam Menghadapi Cabaran Global

Strategi 11 : Mendefinisi Semula Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan

Strategi 12 : Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama Dan Mampan

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia (sehingga 2 November, 2018)

Penyelaras : Neily Syafiqah Mohamed Eusoff



TEMA BELANJAWAN 2019



Belanja²⁰¹⁹Wan

MALAYSIA WIBAWA
EKONOMI DINAMIK
RAKYAT SEJAHTERA



PERUNTUKAN TERPERINCI

PERUNTUKAN
BELANJAWAN
2019

RM314.5
BILION*

PERBELANJAAN
MENGURUS


RM259.8
BILION

PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN

RM54.7
BILION

* Tidak termasuk Perbelanjaan Luar Jangka RM2 BILION

EKONOMI NEGARA 2019 PADA HARGA MALAR 2010




¹ Termasuk perubahan stok

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia


BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2019

DARI MANA DATANGNYA



¹ Terdiri daripada hasil, pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

KE MANA DIBELANJAKAN



² Tidak termasuk simpanan luar jangka
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

PRESTASI EKONOMI 2019

TAHUN	2018	2019
KDNK	4.8%	4.9%
Defisit Fiskal	3.7%	3.4%
Pendapatan Per Kapita	RM42,937 juta	RM44,686 juta
Hasil Kerajaan Persekutuan	RM236,460 juta	RM261,814 juta
Rizab Antarabangsa	US\$102.1 bilion pada 15 November 2018	

KANDUNGAN

3 FOKUS

FOKUS PERTAMA : MELAKSANAKAN REFORMASI INSTITUSI	14
Strategi 1 : Memperkukuh Pengurusan Fiskal	15
Strategi 2 : Menstruktur Semula Dan Merasionalisasi Hutang Kerajaan	16
Strategi 3 : Meningkatkan Hasil Kerajaan	18

FOKUS KEDUA : MEMASTIKAN KESAJAHTERAAN RAKYAT	22
Strategi 4 : Menjamin Kebajikan Dan Kualiti Hidup	23
Strategi 5 : Meningkatkan Peluang Pekerjaan Dan Kebolehpasaran	27
Strategi 6 : Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan Dan Perlindungan Kebajikan Sosial	30
Strategi 7 : Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna	34
Strategi 8 : Pendidikan Bagi Masa Hadapan Yang Lebih Baik	41

FOKUS KETIGA : MEMUPUK BUDAYA NEGARA KEUSAHAWANAN	49
Strategi 9 : Mencetus Kuasa Ekonomi Baharu	50
Strategi 10 : Merebut Peluang Dalam Menghadapi Cabaran Global	57
Strategi 11 : Mendefinisi Semula Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan	65
Strategi 12 : Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama Dan Mampan	66
PERUNTUKAN AGENSI PENGUATKUASAAN PENGURUSAN DAN BANTUAN PENJAWAT AWAM	71

Belanjawan ²⁰¹⁹

**“Malaysia Wibawa, Ekonomik Dinamik,
Rakyat Sejahtera”**

FOKUS PERTAMA : **MELAKSANAKAN REFORMASI INSTITUSI**

Strategi



STRATEGI 1:

Memperkuh Pengurusan Fiskal

Zero-Based Budgeting

- Sistem belanjawan berasaskan sifar belanjawan
- Perbelanjaan berhemah yang dapat meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan penjimatan
- Meneruskan langkah konsolidasi fiskal

Membentangkan Akta Kebertanggungjawaban Fiskal pada 2021

- Perbelanjaan mengikut landasan yang betul
- Mengelak perbelanjaan yang tidak terkawal

Membentangkan Akta Perolehan Kerajaan

- Mengawal selia proses perolehan bagi memastikan ketelusan dan persaingan terbuka
- Menegenakan tindakan ke atas penyalahgunaan kuasa, kecuaiian dan rasuah
- Tender terbuka dapat menjimatkan wang pembayar cukai dan meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor swasta

Melaksanakan perakaunan akruan 2021 menggantikan perakaunan asas tunai bermula 2021

- Menzahirkan hutang, liabiliti dan aset negara secara menyeluruh

STRATEGI 2:

Menstruktur Semula Dan Merasionalisasi Hutang Kerajaan

Mewujudkan Pejabat Pengurusan Hutang

- Bagi menyemak dan menguruskan hutang dan liabiliti Kerajaan
- Memantau penerbitan hutang oleh Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan syarikat tujuan khas (SPV) secara holistik
- Mengoptimalkan sumber Kerajaan secara keseluruhan
- Memusatkan pengurusan dana supaya badan berkanun dengan dana lebihan dapat memenuhi keperluan pembiayaan agensi lain

Mengesan dan melaporkan nisbah hutang langsung Kerajaan Persekutuan

- Menyediakan data yang lebih telus termasuk hutang dan liabiliti

Merasionalisasi hutang dan menstruktur semula hutang sedia ada

- Membatalkan projek *Multi-Product Pipeline* dan *Trans-Sabah Pipeline* berjumlah RM15 bilion

- Kerja pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berjumlah RM81 bilion telah digantung dan kosnya sedang dirunding
- Membatalkan projek Transit Aliran Massa Laluan Tiga (MRT3) yang bernilai RM60 bilion sehingga projek Transit Aliran Massa Laluan Dua (MRT2) disiapkan
- Menangguhkan pelaksanaan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang melibatkan kos sekurang-kurangnya RM110 bilion
- Menamatkan projek rundingan terus Landasan Berkembar Lembah Klang 2 bernilai RM5.2 bilion dan akan ditender semula melalui tender terbuka



STRATEGI 3:

Meningkat Hasil Kerajaan

Memanfaat aset

- Mengurangkan pegangan Kerajaan dalam syarikat bukan strategik dan menggunakan hasil tersebut untuk mengurangkan hutang
- Model kerjasama awam swasta (PPP) yang sebenar akan digunakan berasaskan tender terbuka dan bukan melalui rundingan terus
- Mengekalkan daya saing industri perkhidmatan tempatan
- Merancang untuk melaksanakan perjualan tanah secara berjadual dan berperingkat kepada pembida tertinggi
- Menswastakan aset infrastruktur dengan mewujudkan Amanah Pelaburan Hartanah bagi Lapangan Terbang atau *Airport Real Estate Investment Trust* (REIT)
 - ~ Pelabur REIT memperoleh pulangan melalui fi pengguna yang dikutip daripada Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB)
 - ~ Program ini akan dilaksanakan selepas rundingan fi pengguna dan Pangkalan Aset Diselia dimuktamadkan

Semakan semula percukaian

- Memberi pengecualian cukai ke atas penyediaan perkhidmatan tertentu yang disediakan oleh suatu perniagaan berdaftar bagi perkhidmatan yang sama
- Memperkenalkan sistem kredit untuk potongan cukai jualan bagi mengurangkan beban pengilang kecil berdaftar yang membeli input pembuatan daripada pengimport dan bukannya daripada pengilang yang berdaftar
- Mengenakan Cukai Perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport
- Perkhidmatan atas talian berasaskan perkhidmatan asing akan dikenakan cukai
 - ~ Termasuk perisian, muzik, video atau pengiklanan digital
- Program Khas Pengakuan Sukarela
 - ~ Memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai
 - ~ Melaksanakan Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI) dengan pihak berkuasa percukaian lain untuk audit dan siasatan
 - ~ Dikenakan diskaun penalti seperti berikut:

Tarikh pelaporan pendapatan	Kadar penalti
3 November 2018 – 31 Mac 2019	10%
1 April 2019 – 30 Jun 2019	15%
Setelah tamat program pada 30 Jun 2019	80% sehingga 300%

- Meningkatkan penguatkuasaan ke atas penyeludupan rokok
- Levi pelepasan bagi semua penumpang ke luar negara melalui laluan udara
 - ~ RM20 dikenakan ke atas penumpang ke negara ASEAN
 - ~ RM40 dikenakan ke atas penumpang ke negara lain
- Memperkemarkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya
 - ~ Kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10% bagi syarikat, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap
 - ~ Dinaikkan daripada 0% kepada 5% bagi individu warganegara dan penduduk tetap
 - ~ CKHT dikecualikan atas harga hartanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana

rendah dan rumah mampu milik di bawah RM200,000

- ~ Menaikkan kadar duti setem daripada 3% kepada 4% ke atas pindah milik hartanah bernilai RM1 juta



- Menaikkan kadar cukai, fi dan levi sektor perjudian
 - ~ Lesen kasino dinaikkan daripada RM120 juta kepada RM150 juta setiap tahun
 - ~ Duti kasino dinaikkan kepada 35% ke atas pungutan bersih
 - ~ Lesen mesin *dealer* dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM50,000 setiap tahun

FOKUS KEDUA : MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Strategi



“
Menjamin
Kebajikan
Dan Kualiti
Hidup
”

“
Meningkat
Peluang
Pekerjaan Dan
Kebolehpasaran
”

“
Meningkatkan
Kualiti Perkhidmatan
Kesihatan Dan
Perlindungan
Kebajikan Sosial
”

“
Meningkatkan
Pendapatan Boleh
Guna
”

“
Pendidikan Bagi
Masa Hadapan
Yang Lebih Baik
”

STRATEGI 4:

Menjamin Kebajikan Dan Kualiti Hidup

- Meneruskan dan menambahbaik Bantuan Sara Hidup (BSH) supaya lebih bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah (**RM5 bilion**)
 - ~ Sebanyak 4.1 juta isi rumah akan terus menerima BSH

Pendapatan	Bantuan Sara Hidup
<RM2,000	RM1,000
<RM2,001 hingga RM3,000	RM750
RM3,001 hingga RM4,000	RM500
Setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali OKU tidak dihadkan umur mereka	
 RM120	

- Skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KSWP) i-SURI (**RM45 juta**)
 - ~ Geran padanan RM40 setiap bulan sebagai insentif kepada suami yang mencarum dengan kadar RM5 sebulan kepada simpanan persaraan isteri di bawah program e-Kasih

- Subsidi minyak secara bersasar kepada kepada pemilik sebuah kereta persendirian dengan kapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah atau pemilik sebuah motosikal 125cc dan ke bawah (**RM2 bilion**)
 - ~ Subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter bagi motosikal
 - ~ Bermula pada suku kedua 2019
 - ~ Memanfaatkan seramai 4 juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal



- Menstabilkan bekalan dan menyeragamkan harga barangan keperluan asas, terutama di Sabah dan Sarawak (**RM150 juta**)
 - ~ Barangan yang terlibat adalah tepung gandum, gula bertapis dan minyak masak dalam paket 1kg, serta beras tempatan 15% hancur pek 10kg, Petrol RON95, diesel dan LPG

- Pengguna digalakkan untuk memuat turun aplikasi *Price Catcher* sebagai platform pemantauan harga barangan melalui perkongsian data (**RM20 juta**)
 - ~ Memanfaatkan semua pengguna untuk mengetahui harga terbaik di pasaran
 - ~ Membantu pihak berkuasa untuk memantau amalan-amalan penentuan harga yang menyalahi undang-undang



- Penyaluran subsidi elektrik secara bersasar kepada penerima di bawah program e-Kasih (**RM80 juta**)
 - ~ Dikhususkan kepada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan program e-Kasih
 - ~ Meningkatkan kadar subsidi kepada RM40 sebulan daripada RM20 dan memanfaatkan 185,000 akaun

- Mengenal pasti dan bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan *Social Enterprise* untuk menyokong usaha mereka dalam



membantu komuniti yang kurang bernasib baik dan terpinggir (**RM10 juta**)

- ~ Contohnya seperti projek perolehan sampul surat Kerajaan oleh Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya
- Layanan potongan cukai pendapatan akan diberikan ke atas sumbangan mana-mana pihak kepada suatu *social enterprise*
 - ~ Had potongan sehingga 10% daripada pendapatan agregat syarikat dan 7% daripada agregat individu yang memberikan sumbangan

STRATEGI 5:

Meningkat Peluang Pekerjaan Dan Kebolehpasaran

- Melaksanakan dua program yang dibiayai melalui dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) iaitu *Apprenticeship* dan *Graduate Enhancement Programme For Employability (GENERATE)* (RM20 juta)
 - ~ Meningkatkan peluang pekerjaan bagi seramai 4,000 orang belia lepasan sekolah dan graduan
- Caruman KWSP dikurangkan daripada 6% kepada 4% bagi majikan yang menggajikan pekerja yang berumur 60 hingga 65 tahun
 - ~ Dicadangkan potongan cukai tambahan diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan
 - ~ Menggalakkan syarikat mengambil semula golongan ini, terutamanya B40 untuk bekerja
 - ~ Penggajian bekas banduan



- Pemberian bantuan sebanyak (RM500) secara *one-off* kepada pesara Kerajaan yang berkelayakan
 - ~ Untuk pesara Kerajaan yang menerima pencen kurang dari RM1,000



- Memanjangkan kemudahan perubatan kepada ibu bapa 30,000 pegawai lantikan kontrak (RM10 juta)
 - ~ Kemudahan Cuti Kuarantin dipanjangkan kepada pegawai lantikan kontrak yang anaknya menghidapi penyakit berjangkit



- Memanjangkan kemudahan cuti tanpa rekod selama (7 hari) kepada yang bukan beragama Islam bagi tujuan keagamaan



- Kenaikan gaji minimum kepada (RM1,100) di seluruh Malaysia
~ Untuk menampung kenaikan kos sara hidup



STRATEGI 6:

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan Dan Perlindungan Kebajikan Sosial

- Melaksanakan sepenuhnya Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)
 - ~ Dilaksanakan oleh PERKESO yang meliputi program penempatan semula pekerjaan, peningkatan kemahiran dan bayaran pampasan kehilangan pekerjaan
 - ~ PERKESO menyediakan khidmat nasihat dan membantu pekerja yang terlibat mencari pekerjaan baru



- Memperkenalkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 melalui usahasama dengan syarikat insurans swasta (**RM2 bilion**)
 - ~ Menyediakan perlindungan percuma ke atas 4 penyakit kritikal utama sehingga RM8,000.

- ~ Maksimum 14 hari pendapatan gantian semasa rawatan hospital
- ~ Pada kadar RM50 sehari atau bersamaan RM700 setahun



- Perkhidmatan kesihatan (**RM29 bilion**)
 - ~ Termasuk (**RM10.8 bilion**) bagi membaik pulih klinik dan hospital serta pembelian ubat-ubatan dan kelengkapan



- Memperkenalkan Skim Perlindungan Kesihatan (PEKA) dengan projek perintis pelaksanaan saringan kesihatan (**RM100 juta**)
 - ~ Bagi golongan B40 berumur 50 tahun ke atas



- Program saringan percuma pengesanan kanser payudara (mamogram), program vaksinasi HPV dan ujian saringan *Pap Smear* di hospital dan klinik kerajaan (**RM20 juta**)
- Rawatan penyakit jarang jumpa, rawatan virus Hepatitis C, program menangani masalah pertumbuhan bantut di kalangan kanak-kanak, menyediakan saringan dan peluasan rawatan haemodialisis serta *Enhanced Primary Healthcare* (EnPHC) (**RM50 juta**)



- Duti eksais 40 sen per liter ke atas dua kategori minuman bergula yang dikilangkan dalam bentuk pembungkusan yang sedia diminum
 - ~ Bagi menggalakkan amalan pemakanan dan gaya hidup yang lebih sihat

Nilai ambang kandungan gula

Air minuman yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain yang mengandungi gula melebihi 5 gram per 100 mililiter

Jus buah-buahan dan sayur-sayuran yang mengandungi gula melebihi 12 gram per 100 mililiter

- Memperluaskan kawasan larangan merokok melibatkan semua restoran atau kedai makanan



MALAYSIA BEBAS ASAP ROKOK
menjelang 2045

KAWASAN LARANGAN MEROKOK SEMUA
RESTORAN & KEDAI MAKAN MULAI

1 JANUARI 2019

- Mempertingkatkan keselamatan dalam negeri dan pertahanan negara kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri (RM5.9 bilion)

STRATEGI 7:

Meningkatkan Pendapatan Boleh Guna

- Mengurangkan kos pengangkutan dan meningkatkan kemampuan memiliki rumah bagi kategori isi rumah B40 dan M40



Perumahan untuk semua

- Meneruskan pembinaan dan menyiapkan rumah mampu milik untuk Program Perumahan Rakyat, Perumahan Penjawat Awam Malaysia, PR1MA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (RM1.5 bilion)
- Dana pembiayaan perumahan oleh Bank Negara Malaysia (RM1 bilion)
 - ~ Kadar pembiayaan serendah 3.5% bagi isi rumah berpendapatan RM2,300 sebulan
 - ~ Pembelian rumah mampu milik berharga sehingga RM150,000

- ~ Dana tersedia di AmBank, CIMB Bank, Maybank, RHB Bank dan BSN
- ~ Dana disediakan untuk dua tahun ataupun sehingga peruntukan dihabiskan
- Pengecualian duti setem sehingga RM300,000 yang pertama ke atas pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000
 - ~ Bagi tempoh dua tahun sehingga Disember 2020
- Memperuntukkan (RM25 juta) kepada Cagamas Berhad untuk jaminan pajak gadai bagi membolehkan peminjam mendapat pembiayaan yang lebih tinggi termasuk bayaran deposit
 - ~ Pembeli rumah pertama dengan pendapatan isi rumah sehingga RM5,000
- Memanjangkan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
 - ~ Pembiayaan pertama daripada 30 tahun kepada 35 tahun
 - ~ Pembiayaan kedua daripada 25 tahun kepada 30 tahun

- Penyelenggaraan dan membaik pulih kuarters Kerajaan terutamanya polis, tentera dan guru (RM400 juta)



- Pengecualian SST ke atas perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan
 - ~ Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mengurangkan sebanyak 10% harga rumah yang tidak tertakluk kepada kawalan harga untuk projek baharu



- Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah pertama berharga antara RM300,001 sehingga RM1 juta
 - ~ Berkuat kuasa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Januari 2019
 - ~ Sebahagian daripada Kempen Pemilikan Rumah Kebangsaan di mana pemaju menawarkan diskaun 10% ke atas harga hartanah
- Pengenalan platform penajaan dana masyarakat yang dipacu oleh sektor swasta
 - ~ Sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti melalui pinjaman terbuka antara rakan setara (*peer-to-peer lending*)
 - ~ Pembeli boleh membeli hartanah terpilih dengan bayaran 20% nilai hartanah manakala baki 80% akan dibiayai oleh pelabur



Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam



- Memperkenalkan pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan yang meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL (RM240 juta)
 - ~ Pas bulanan RM50 tanpa had perjalanan bagi bas RapidKL sahaja juga disediakan
 - ~ Kempen ini akan diperluaskan bagi meliputi syarikat bas lain secara berperingkat



- Menyediakan perkhidmatan tambahan bas GoKL secara percuma selain daripada 4 laluan sedia ada (RM20 juta)
- Menyediakan Tabung Pengangkutan Awam melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) (RM500 juta)
 - ~ Menawarkan insentif subsidi kadar faedah sebanyak 2% kepada teksi dan syarikat bas serta pengendali pengangkutan awam
- Membekukan kenaikan bayaran tol di semua lebuh raya dalam bandar
- Memansuhkan tol motosikal di Jambatan Pertama dan Kedua Pulau Pinang, serta Lebuh raya Laluan Kedua di Johor
- Menaiktaraf *Autogate Malaysia Automated Clearance System* dan *M-Bike* (permulaan RM10 juta)
 - ~ Keutamaan kepada Laluan Tambak Johor dan Laluan Kedua ke Singapura

- ~ Mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh warganegara Malaysia dan pemastautin yang mengambil perjalanan ulang alik setiap hari

PENGANGKUTAN AWAM	
RM240j RAPID KL	RM500j Tabung Pengangkutan Awam
RM20j GO KL	RM10j Naik taraf AMACS & M-Bike



STRATEGI 8:

Pendidikan Bagi Masa Hadapan Yang Lebih Baik



- Kementerian Pendidikan adalah penerima peruntukan yang terbesar berjumlah (RM60.2 bilion)
- Menyediakan peruntukan bagi bantuan pendidikan (RM2.9 bilion)
 - ~ Membantu golongan miskin melalui bekalan makanan, buku teks dan bantuan tunai



- Menaikkan taraf dan menyelenggara semua sekolah (RM652 juta)

Jenis sekolah	Peruntukan
Sekolah Kebangsaan	RM250 juta
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	RM50 juta
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	RM50 juta
Sekolah Berasrama Penuh	RM50 juta
Maktab Rendah Sains Mara	RM50 juta
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	RM50 juta
Sekolah Mubaligh	RM50 juta
Sekolah Tahfiz	RM50 juta
Sekolah Pondok yang berdaftar	RM25 juta
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) atau <i>Conforming School</i>	RM15 juta
Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)	RM12 juta

- Potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam
- Pembinaan semula sekolah daif (**RM100 juta**)
 - ~ Pembinaan sekolah tambahan akan dibiayai melalui pertukaran tanah secara tender terbuka



- Membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti (RM206 juta)
- Memperkenalkan Dana Wibawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) (RM30 juta)
 - ~ Menawarkan program latihan yang kompetitif dan memenuhi keperluan industri
 - ~ Meningkatkan kompetensi belia melalui program *Bootcamp* berkaitan TVET (RM20 juta)
- Memperkasa aktiviti penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (RM400 juta)
 - ~ Geran padanan bernilai (RM30 juta) bagi program Malaysia *Partnerships and Alliances in Research* (MyPAIR)
- Meneruskan pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran (RM3.8 billion)
 - ~ Menerusi MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan
 - ~ (RM2 billion) diperuntukan khusus kepada pelajar Bumiputera tajaan MARA

- Memperuntukkan (**RM17.5 juta**) kepada Malaysia *Professional Accountancy Centre* (MyPAC)
 - ~ Bagi melahirkan 600 akauntan Bumiputera
- Memperkasakan pendidikan dan pembangunan modal insan sebagai sebahagian daripada agenda pemerkasaan Bumiputera (**RM210 juta**)
 - ~ Melalui program Peneraju Tunas, program Peneraju Skil dan program Peneraju Profesional yang dikendalikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera



- Memastikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kekal mampan

Potongan gaji berjadual antara 2% hingga 15% daripada pendapatan bulanan peminjam yang melebihi RM1,000 sebulan

Potongan cukai kepada syarikat yang membantu menyelesaikan baki pinjaman pekerja bagi tahun berakhir 2019

Pelepasan cukai pendapatan individu bagi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000

Potongan pinjaman kepada pelajar daripada isi rumah B40 yang mendapat keputusan kelas pertama

Menghapus kira baki hutang kepada peminjam yang berusia 60 tahun dan ke atas dan berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan

- Memperkenalkan program baharu iaitu Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS) (RM70 juta)
 - ~ Melibatkan 70,000 belia berumur 15 tahun hingga 30 tahun
- Persediaan atlet ke Sukan Olimpik 2020 di Tokyo (RM100 juta)



- Membangun dan menggalakkan *eSports* (RM10 juta)
 - ~ Melibatkan jurutera perisian dan pemaju permainan digital

Meningkatkan syiar Islam

- Memelihara kemajuan syiar Islam (**RM1.2 bilion**)
 - ~ Melaksanakan program termasuk pembinaan masjid dan surau di seluruh negara (**RM150 juta**)
 - ~ Inisiatif 'Khaira Ummah' untuk melahirkan lebih ramai profesional di kalangan huffaz dan modul pembelajaran agama dengan penggunaan braille



FOKUS KETIGA : **MEMUPUK BUDAYA NEGARA KEUSAHAWANAN**

Strategi



**Mencetus Kuasa
Ekonomi Baharu**



**Merebut Peluang
Dalam Menghadapi
Cabaran Global**

**Mendefinisi Semula
Peranan Kerajaan
Dalam Perniagaan**



**Memastikan Pertumbuhan
Ekonomi Yang Saksama
Dan Mampan**

STRATEGI 9:

Mencetuskan Kuasa Ekonomi Baharu



Memupuk ekonomi digital

- Menyelaraskan dana-dana modal teroka yang diurus oleh agensi Kerajaan seperti
 - ~ Malaysia Technology Development Corporation,
 - ~ Malaysia Debt Ventures Bhd,
 - ~ Malaysia Venture Capital Management Bhd
 - ~ Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd
 - ~ Cradle Fund Sdn Bhd
- Geran padanan hanya diberikan kepada syarikat yang dapat menarik pelaburan daripada sektor swasta

- Dana Pelaburan Berkaitan Kerajaan bagi menyokong sektor strategik baharu (RM2 bilion)
 - ~ Melabur dalam dana ekuiti swasta dan dana modal teroka
- Menubuhkan Dana Pelaburan Bersama (RM50 juta)
 - ~ Melabur bersama dengan pihak swasta melalui platform pembiayaan alternatif seperti ekuiti dana masyarakat dan pinjaman terbuka antara rakan setara




- Rangka kerja baharu untuk melulus dan memantau aktiviti jual beli mata wang digital dan pasaran token
 - ~ Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) akan diwartakan pada tahun 2019

- Mempromosikan pasaran bon dan sukuk melalui layanan cukai seperti berikut:

Melanjutkan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan kos tambahan apabila menerbitkan sukuk di bawah prinsip Ijarah dan Wakalah, serta perbelanjaan yang ditanggung syarikat semasa menerbitkan bon atau sukuk runcit untuk 2 tahun taksiran mulai tahun taksiran 2019

Menubuhkan jawatankuasa khas bagi kewangan Islam yang diketuai Kementerian Kewangan dan dianggotai Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

- Meneruskan Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) (RM30 juta)
 - ~ Khazanah akan menyediakan peruntukan (RM100 juta) bagi penerbitan filem di studio Pinewood di Iskandar Johor



- Melaksanakan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) (RM1 bilion)
 - ~ Perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi disasarkan mencapai 30Mbps di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil
- Menguatkuasakan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) dijangka akan menurunkan harga jalur lebar talian tetap sekurang-kurangnya 25%

Lonjakan Industri 4.0

- Pelan Tindakan Dasar Industri 4.0 atau *Industry4WRD*
- Menggalakkan peralihan kepada Industri 4.0 (**RM210 juta**) bagi tahun 2019 hingga 2021
 - ~ Menjalankan program *Readiness Assessment* untuk membantu 500 syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)



- Mewujudkan sistem rujukan *Knowledge Resource for Science & Technology Excellence* (KRSTE.my)
 - ~ Memangkin perkongsian sumber penyelidikan dan pembangunan (R&D) Kerajaan antara sektor swasta dan akademik
 - ~ Memberi sektor swasta akses kepada 250 fasiliti dan 1,200 peralatan saintifik serta data penyelidikan
 - ~ Memperkenalkan program Pemetaan-Penyelidik untuk menempatkan 100 ahli penyelidik dengan sektor swasta
- Menyediakan Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) (RM2 bilion)
 - ~ Menggalakkan PKS membuat pelaburan dalam automasi dan pemodenan
 - ~ Kerajaan memberi jaminan pembiayaan sehingga 70%
- Menyediakan dana Transformasi Pendigitalan Industri melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) (RM3 bilion)
 - ~ Insentif subsidi kadar faedah 2%
 - ~ Menerap teknologi pintar merangkumi robotik dan kecerdasan buatan

- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melalui Dana Impak Tinggi akan terus menyediakan geran padanan
 - ~ Merangkumi R&D, penerimaan sijil dan piawaian antarabangsa, pemodenan fasiliti dan peralatan dengan teknologi terkini
- Membangunkan hab aeroangkasa di Subang
 - ~ Khazanah Nasional Berhad akan bekerjasama dengan MARA dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi
- Memberikan potongan cukai dua kali
 - ~ Meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kemahiran tenaga kerja berkaitan Industri 4.0

Biasiswa yang diberi oleh syarikat kepada pelajar di peringkat teknikal dan vokasional, diploma serta ijazah dalam bidang kejuruteraan dan teknologi

Perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat yang menyertai Skim Latihan Dual Nasional bagi Industri 4.0 yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia

Perbelanjaan syarikat yang melaksanakan program latihan berstruktur bagi pelajar kejuruteraan dan teknologi yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia

STRATEGI 10:

Merebut Peluang Dalam Menghadapi Cabaran Global



Memperkukuh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

- Dana pembiayaan PKS oleh institusi kewangan komersial (RM4.5 bilion)
 - ~ 60% jaminan SJPP termasuk RM1 bilion untuk PKS Bumiputera
- Menurunkan kadar cukai pendapatan korporat 17% daripada 18%
 - ~ Bagi PKS yang berpendapatan bercukai sehingga RM500,000 dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta

- Menggalakkan eksport melalui Export-Import Bank of Malaysia Bhd (EXIM Bank) (RM2 bilion)
 - ~ Menawarkan kemudahan kredit dan perlindungan takaful kepada pengeksport PKS
- Menambahbaik keupayaan industri PKS dalam industri halal untuk meningkatkan eksport (RM100 juta)
- Menyediakan Skim Pembiayaan PKS patuh Shariah (RM1 bilion)
 - ~ Membiayai pengeksport produk halal oleh institusi kewangan Islam dengan Kerajaan memberi subsidi kadar keuntungan sebanyak 2%



- Permodalan Usahawan Nasional Berhad (RM200 juta)
 - ~ Bagi industri pemborongan dan peruncitan serta pembelian premis perniagaan untuk disewa kepada PKS Bumiputera



- TEKUN (RM100 juta)
 - ~ Membiayai usahawan kecil



- Kempen “Beli Barangan Malaysia” (RM20 juta)
 - ~ Menyokong produk dan perkhidmatan tempatan

Memudahkan aktiviti logistik dan pengangkutan



- Menaiktaraf dan memulihara landasan kereta api atau rel (**RM2.46 bilion**)
 - ~ Mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan negara



- Pembangunan dan pertumbuhan projek Zon Sempadan Khas Ekonomi Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam, Kedah (**RM25 juta**)
 - ~ Aktiviti perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Thailand
 - ~ Merangkumi pembangunan *truck depot*

- Zon Perdagangan Bebas di Pulau Indah
 - ~ Memangkin aktiviti perkapalan dan logistik
 - ~ Merupakan sambungan kepada Port Klang Free Zone (PKFZ)

Menambah nilai kepada sektor komoditi



- Program Biodiesel B10 (campuran 10% kandungan minyak kelapa sawit) bagi sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor industri
- Membantu semua pekebun kecil kelapa sawit mendapatkan pengiktirafan persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO) (RM30 juta)
- Membantu meningkatkan kepelbagaian penggunaan getah tempatan dalam produk-produk industri
 - ~ Sebagai bahan campuran dalam pembinaan

jalan raya bagi meningkatkan daya ketahanan jalan di samping mengurangkan kos penyelenggaraan

- ~ Penggunaan teknologi *Cuplump Modified Bitumen* (CMB) untuk pembinaan jalan raya di kawasan pelabuhan dan perindustrian secara berperingkat (RM100 juta)



- Menyediakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) (RM50 juta)
 - ~ Membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga getah kepada pekebun kecil
 - ~ Pekebun kecil akan menerima sokongan pendapatan daripada IPG sekiranya harga getah jatuh bawah RM2.20 sekilogram
- Sektor pertanian (RM117 juta)
 - ~ Untuk R&D bagi meningkatkan produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan (RM47 juta)

- ~ Untuk automasi industri agromakanan (RM18 juta)
- ~ Untuk pelaksanaan program keusahawanan dan latihan industri tani termasuk bagi menarik penglibatan golongan muda menceburi sektor agromakanan (RM52 juta)

Mempergiat industri pelancongan



- Menyediakan geran sepadan kepada syarikat swasta (RM100 juta)
 - ~ Bagi program promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa
- Kedai bebas cukai di Pelabuhan Swettenham di Pulau Pinang
 - ~ Menggalakkan sektor pelancongan kapal persiaran

- Menjadikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai
- Dana Tabung Pelancongan PKS (**RM500 juta**)
 - ~ Disediakan oleh SME Bank dengan Kerajaan memberi subsidi kadar faedah sebanyak 2%
- Program pemuliharaan dan pembugaran Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur
 - ~ Sebagai pusat kesenian, kebudayaan dan warisan
 - ~ Kerjasama dengan *ThinkCity* dan sebuah pertubuhan antarabangsa yang diiktiraf dengan UNESCO



STRATEGI 11:

Mendefinisi Semula Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan



- Menilai peranan dan fungsi badan berkanun dan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)
 - ~ Mengurangkan pertindihan fungsi serta mengelakkan Kerajaan bersaing secara langsung dengan pihak swasta
 - ~ Kerajaan akan menumpukan perbelanjaan dan pelaburan ke dalam sektor-sektor strategik di mana pasaran terbuka dan pihak swasta tidak berminat atau tidak dapat memenuhi keperluan rakyat
- Sektor swasta akan menyumbangkan kepakaran, kualiti perkhidmatan dan pelaksanaan
- Kerajaan akan menyumbangkan kapasiti, sumber dan infrastruktur sedia ada

STRATEGI 12

Memastikan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama Dan Mampan



Memastikan pembangunan seimbang

- Membina dan menaiktaraf jalan raya, jalan luar bandar dan jambatan (RM926 juta)
- Meluaskan akses bekalan elektrik (RM694 juta) dan air (RM738 juta) di luar bandar



- Menaiktaraf dan memulihara infrastruktur asas seperti jalan raya, dewan komuniti dan kawasan lapang di kampung baharu (RM85 juta)



- Menyokong komuniti India (RM100 juta)
 - ~ Termasuk latihan teknikal dan kemahiran untuk meningkatkan peluang kerjaya belia India
- Memperkasa pembangunan masyarakat Orang Asli (RM100 juta)
 - ~ Melalui pembinaan dan menaiktaraf infrastruktur bagi bekalan air, penempatan semula, pendidikan, kebajikan dan pembangunan ekonomi
- Persatuan penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RM20 juta)
 - ~ Menjalankan aktiviti komuniti, keselamatan, pembersihan dan program kejiranan

- Pembangunan infrastruktur FELDA (RM295 juta)
 - ~ Menaiktaraf jalan (RM100 juta)
 - ~ Projek sistem bekalan air (RM160 juta)
 - ~ Projek membina dan naiktaraf bangunan serta projek pemasangan lampu jalan (RM35 juta)



- Membangunkan Sabah dan Sarawak
 - ~ (RM5,009 juta) untuk Sabah
 - ~ (RM4,346 juta) untuk Sarawak
 - ~ Meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak tertakluk kepada kajian rasionalisasi kos
 - ~ Merangkumi pembinaan dan penaiktarafan infrastruktur air, elektrik dan jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan, serta pembangunan koridor ekonomi

Wanita dalam tenaga kerja

- Penambahan 50 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di bangunan Kerajaan (RM10 juta)

- Meningkatkan penglibatan wanita di peringkat kepimpinan selaras dengan sasaran 30% daripada pembuat dasar dan keputusan



Alam sekitar dan tenaga untuk masa depan

- Peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan perlindungan hutan dan marin sedia ada dan baharu (**RM60 juta**)
- Memastikan dua Taman Negara disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO
 - ~ Taman Hutan Selangor FRIM
 - ~ Taman Diraja Royal Belum Perak
- Menyediakan bantuan geran mikro untuk program pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar (**RM5 juta**)
 - ~ Diterajui komuniti setempat dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP)



- Menawarkan insentif cukai kepada syarikat yang menghasilkan plastik mesra alam berasaskan bio resin dan biopolymer
 - ~ Insentif Taraf Perintis sebanyak 70%
 - ~ Elaun Cukai Pelaburan 60%
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (RM2 bilion)
 - ~ Menggalakkan pelaburan industri teknologi hijau
 - ~ Kerajaan menampung subsidi kadar faedah 2% bagi tempoh 5 tahun pertama
- BPMP menyediakan Dana Pembiayaan Pembangunan Mampan (RM1 bilion)
 - ~ Bagi menyokong Agenda 2030 pembangunan mampan
 - ~ Kerajaan memberi insentif subsidi kadar faedah 2%

PERUNTUKAN AGENSI PENGUATKUASAAN DAN BANTUAN PENJAWAT AWAM

- Perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (RM286.8 juta)
 - ~ Penambahan jumlah kakitangan seramai 100 orang bagi memastikan SPRM mempunyai sumber tenaga kerja mencukupi
- Bayaran khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam gred 54 dan bawah
- Bayaran khas sebanyak RM250 diberi kepada pesara Kerajaan





Diterbitkan oleh:
Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Laman Web : www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

